

tukang celup”? Seolah-olahnya mereka yang paling teruk atau jahat di kalangan umat Nabi Muhammad s.a.w.!

Bukankah terdapat ramai lagi kumpulan manusia dari kalangan umat Muhammad s.a.w. yang lebih teruk lagi pekerjaannya daripada mereka? Lebih banyak lagi sifat-sifat kejinya berbanding mereka?

Berapa ramai pula tukang emas, tukang besi, tukang tempa dan tukang celup yang saleh, baik, jujur, menepati janji dan amanah. Apakah mereka juga termasuk dalam sabda Baginda tersebut?

Usul (49) Hadits-hadits yang menyatakan Allah membenci bahasa tertentu, dan mencela, menghina atau menjelikkan mana-mana bahasa dengan mengatakan ia bahasa ahli neraka atau bahasa syaitan dan sebagainya, semuanya maudhu` , tidak ada satu pun daripadanya sahih atau hasan, bahkan dha`if sekalipun. Demikian juga hadits-hadits yang melarang orang yang pandai bahasa `Arab daripada bercakap dengan bahasa selain `Arab, dan menyatakan orang-orang yang bercakap dengan bahasa bukan `Arab seperti bahasa Farsi dan lain-lain tidak bermaruah dan akan menyebabkan ia menjadi jahat, munafiq dan sebagainya.

Hadits-hadits di bawah ini adalah sebahagian daripada contohnya:

Contoh Pertama:

أبغض الكلام إلى الله تعالى الفارسية وكلام الشيطان الخوزية وكلام أهل النار البحارية وكلام أهل الجنة العربية

Bermaksud: Bahasa yang paling dibenci Allah ialah bahasa Farsi. Bahasa syaitan ialah bahasa Khuzi (bahasa orang-orang Khuzistan). Bahasa penghuni neraka ialah bahasa Bukhara, dan bahasa ahli syurga ialah bahasa `Arab.

Rujukan:

Ad-Dailami – al-Firdaus Bi Ma’tsūr al-Khīthāb j.1 m/s 368 (nombor hadits:1483), Ibnu al-Jauzi – al-Maudhū`āt j.3 m/s 71, Ibnu Hibbaan - al-Majrūhīn j.1 m/s 129, al-Mizzi - Tahdīb al-Kamāl j.3 m/s 96-97, adz-Dzahabi -Mīzān al-I`tidāl j.1 m/s 230-231, Hafizh Ibnu Hajar – Lisān al-Mīzān j.1 m/s 406, as-Suyūthī – al-La’ālī’ al-Mashnū`ah j.1 m/s 18, al-Jauzaqānī - al-Abāthīl Wa al-Manākīr j.2 m/s 317, Ibnu `Arraaq al-Kinaani –

Tanzih as-Syari`ah al-Marfu`ah j.1 m/s 137, al-Kasyfu al-Ĥatsīts m/s 69, Ibnu Thāhir al-Maqdisi – Ma`rifatu at-Tadzkirah m/s 83.

Komentar:

- (1) Hadits di atas di dalam al-Firdaus Bi Ma'tsūr al-Khīthāb dikaitkan dengan `Abdullah bin `Amar sebagai perawinya. Sementara di dalam al-Abāthīl Wa al-Manākīr, al-Maudhū`āt dan al-La'āli' al-Mashnū`ah pula ia dikaitkan dengan Abu Hurairah.
 - (2) Sanad hadits Abu Hurairah menurut apa yang dikemukakan oleh Ibnu al-Jauzi adalah sebagai berikut:

أخبرت عن محمد بن الحسين بن فرجويه حديثاً أبى حديثاً محمد بن إبراهيم حديثاً محمد بن أحمد التميمي حديثاً أبو عصمة عاصم بن عبد الله البجلي حديثاً إسماعيل بن زياد عن غالب القطان عن المقبرى عن أبى هريرة عن النبي صلى الله عليه وسلم قال...

Setelah mengemukakan hadits itu bersama sanadnya Ibnu al-Jauzi menghukum ia sebagai hadits maudhu` . Perawi yang tertuduh mengada-ngadakannya (merekanya) ialah Isma`il bin Ziad.

- (3) Ibnu Hibbaan berkata, “Dialah yang merekanya. Hadits ini maudhu` , tiada asal baginya daripada ucapan Rasulullah s.a.w. Tidak ia diriwayatkan oleh Abu Hurairah dan tidak juga ia diriwayatkan oleh al-Maqburi. Isma`il bin Ziad seorang syeikh dajjāl. Tidak halal menyebutkan nama Isma`il ini di dalam kitab melainkan dengan maksud menyatakan keterukannya. (Lihat al-Majrūhīn j.1 m/s 129).

(4) Ibnu `Adi berkata, “Isma`il bin Ziad perawi munkarul hadīts. Tiada siapa pun menjadi mutābi` nya pada kebanyakan riwayat yang dikemukakannya.” Ad-Dāraquthni pula berkata, “Isma`il bin Ziad adalah perawi pendusta besar dan matrūk.”

(5) Selain tokoh-tokoh hadits yang dikemukakan di atas telah menghukumkan hadits itu sebagai maudhu` dan ia suatu dusta atas nama Rasulullah s.a.w. semata-mata, al-Mizzi, adz-Dzahabi, Hafizh Ibnu Hajar, Ibnu `Arrāq, Ibnu Thāhir al-Maqdisi, al-Fattani dan lain-lain juga berpandangan yang sama terhadapnya.

(6) Dilihat dari sudut dirayah, hadits itu jelas maudhu` kerana bercanggah dan bertentangan dengan beberapa firman Allah di dalam al-Qur'an tentang bahasa. Antaranya ialah:

(i) Bahasa yang berbeda-beda itu dikatakan tanda kebesaran dan kewujudan Allah seperti kejadian langit dan bumi juga. Perbedaan bahasa manusia selain menunjukkan kewujudan dan kebesaran Allah, ia juga disebutkan sebagai ni'mat Allah kepada mereka. Lihat firman Allah di dalam Surah ar-Rūm di bawah ini:

وَمِنْ عَمَائِيهِ خَلْقُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَخَلِيفُ الْأُسْنَاتِ كُمْ وَأَتُونَكُمْ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَكَيْتٍ لِّعَذَابِينَ ﴿٤﴾

Bermaksud: Dan di antara tanda-tanda (kewujudan, kekuasaan, belas kasihan dan kebijaksanaan)Nya ialah kejadian langit dan bumi, perbezaan bahasamu dan warna kulitmu. Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang berpengetahuan. (ar-Rūm:22).

(ii) Bahasa yang berbeda-beda disebut Allah sebagai ni'mat dan rahmatNya. Lihat firmannya di dalam Surah ar-Rāḥmān di bawah ini:

خَلَقَ الْإِنْسَانَ ﴿٣﴾ عَلَمَهُ الْبَيَانَ ﴿٤﴾

Bermaksud: Dia (Ar-Rāḥmān) menciptakan manusia. (3). Dia (juga yang) mengajarnya pandai bertutur dan berbicara. (4). (ar-Rahman:3-4).

(iii) Wahyu yang diturunkan Allah kepada setiap orang rasulNya adalah dalam bahasa kaumnya sendiri, supaya mereka mudah memahaminya. Lihat firman Allah di bawah ini:

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ رَّسُولٍ إِلَّا بِلِسَانِ قَوْمِهِ لِيُبَيِّنَ لَهُمْ فَيَضْلُلُ اللَّهُ مَنْ يَشَاءُ وَيَهْدِي مَنْ يَشَاءُ وَهُوَ أَعْزِيزُ الْحَكِيمِ ﴿٤﴾

Bermaksud: Dan Kami tidak mengutuskan seorang pun Rasul melainkan dengan bahasa kaumnya, supaya dia menjelaskan (hukum-hukum Allah) kepada mereka. Maka Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya), juga memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya); dan Dialah jua Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. (Ibrahim:4).

(7) Di dalam al-Qur'an terdapat sekian banyak perkataan yang berpunca daripada pelbagai bahasa dunia, lebih-lebih lagi daripada pelbagai bahasa qabilah `Arab sendiri. Antaranya bahasa Habsyah, bahasa `Ibrani (Hebrew), bahasa Suryani (bahasa Sirya kuno), bahasa Qibti, bahasa Roman, bahasa Farsi, bahasa India lama, bahasa Nabathi, bahasa Turki tua, bahasa Barbar dan lain-lain.

Menurut as-Suyuthi terdapat lebih seratus perkataan bukan `Arab di dalam al-Qur'an, walaupun ia digunakan setelah betul-betul bersebatи sebagai perkataan bahasa `Arab. Perkataan yang berpunca daripada bahasa Farsi adalah antara yang terbanyak digunakan di dalam al-Qur'an. Lihat sebagai contohnya perkataan-perkataan berikut:

أباريق، تتوّر، دينار، زنجبيل، سجيل، سجين، سرادق، سندس، قفل، كافور، كنز، كورت، مسلك، مقايد، ياقوت

Kalau Allah telah menggunakan perkataan-perkataan tersebut yang berpunca daripada bahasa Farsi di dalam al-Qur'an, bagaimana pula boleh dikatakan ia bahasa yang paling dibenci Allah?!

(8) Nabi s.a.w. sendiri ada menggunakan perkataan-perkataan daripada bahasa bukan `Arab dalam percakapannya, dan ia tersebut di dalam hadits-hadits yang sahih. Semua itu menunjukkan Baginda s.a.w. sememangnya bersikap terbuka terhadap bahasa-bahasa lain selain bahasa `Arab.

Contoh Kedua:

من تكلم بالفارسية زادت في خبـه (خبـته) ونقصـت من مرؤـته

Bermaksud: Orang yang bercakap dalam bahasa Farsi (menggunakannya) akan semakin bertambah kejahatannya dan semakin berkurang maruahnya.

Rujukan:

Al-Ĥākim - al-Mustadrak `Ala as-Shahīħain j.4 m/s 98, Ibnu `Adi – al-Kāmil Fi Dhu'afa' ar-Rijāl j.4 m/s 109, Ibnu al-Jauzi- al-Maudhu`aat j.3 m/s 71, as-Suyuthi – al-La'aali'u al-Mashnu`ah j.2 m/s 238, asy-Syaukaani - al-Fawaa'idu al-Majmu`ah m/s 221, Ibnu `Arraaq al-Kinaani – Tanzih as-Syari`ah al-Marfu`ah j.2 m/s 291, al-Fattani – Tadzkiratu al-Maudhū`āt m/s 113, al-Albāni – Silsilatu al-Āhādīts ad-Dha`īfah Wa al-Maudhū`ah j.13 m/s 412-414.

Komentar:

(1) Al-Haakim telah meriwayatkan hadits ini dengan sanad berikut:

حَدَّثَنَا أَبُو عَبْدِ الرَّحْمَنِ مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ الْبَيْرُوتيُّ، ثَنَّا أَبُو فَرْوَةَ (بِيْزِيدُ بْنُ مُحَمَّدٍ بْنُ سَنَانٍ)، حَدَّثَنِي أَبِي حَمْزَةَ طَلْحَةَ بْنُ زَيْدٍ (الرَّفِيقِ)، عَنْ أَوْزَاعِي، عَنْ يَحْيَى بْنِ أَبِي كَثِيرٍ، عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:

Ad-Dāraquthni di dalam Athrāf al-Gharā'ib Wa al-Afrād (j.2 m/s 251), Ibnu `Adi di dalam al-Kāmil (j.4 m/s 109) dan Ibnu al-Jauzi di dalam al-Maudhu`at (j.3 m/s 71) juga telah mengemukakannya dengan sanad yang sama.

(2) Adz-Dzahabi mengomentarinya di dalam Talkhīsh al-Mustadrak dengan berkata, “Tidak sahih. Isnadnya sangat lemah.” Di dalam Mizān al-`Itidāl pula beliau berkata, “Ia adalah hadits maudhu’.” Ali bin al-Madīni berkata, “Thalhah bin Zaid mereka (mengada-ngadakan) hadits.”

(3) Ad-Dāraquthni berkata, “Thalhah bin Zaid bersendirian dalam meriwayatkannya, sedang dia perawi matrūk al-ḥadīts.” Imam Bukhari, an-Nasā'i dan lain-lain juga berkata, Thalhah bin Zaid munkarul ḥadīts dan matrūk al-ḥadīts. Ibnu Hibbaan bahkan berkata tentangnya, “Seorang perawi yang sangat munkar haditsnya, tidak halal berhujah dengannya.”

(4) Ibnu `Adi mengatakan hadits ini batil (karut). Ibnu al-Jauzi, asy-Syaukāni, al-Albāni dan lain-lain pula mengatakan hadits itu maudhu’.

(5) Imam Ahmad, `Ali bin al-Madīni dan Abu Daud mengatakan Thalhah bin Zaid memang mereka hadits.

(6) Selain Thalhah bin Zaid ar-Raqqi di dalam isnad hadits itu bermasalah, terdapat beberapa lagi illatnya, iaitu:

(i) Sanad terputus di antara Yahya bin Abi Katsīr dan Anas, kerana Yahya tidak mendengar apa-apa secara langsung daripada Anas. Dia juga tidak pernah mendengar secara langsung daripada mana-mana sahabat r.a. yang lain.

(ii) Muhammad bin Yazid bin Sinān adalah perawi dha`if.

(iii) Tafarrud setiap orang perawi dalam meriwayatkannya. Yahya bersendirian dalam meriwayatkannya daripada Anas. Al-Auzā`i bersendirian dalam meriwayatkannya daripada Yahya. Thalhah bersendirian dalam meriwayatkannya daripada al-Auzā`i, dan Muhammad bin Yazid bin Sinan juga bersendirian dalam meriwayatkannya daripada Thalhah.

(iv) Memang pelik apabila hanya Thalhah bin Zaid yang dikatakan pereka hadits oleh sekian ramai tokoh Rijāl meriwayatkannya daripada al-Auzā`i, seorang tokoh besar dan imam penduduk Syam. Di mana murid-murid al-Auzā`i yang terkenal seperti `Abdul Ḥamīd bin Abi al-`Isyrīn, Yazid bin as-Simth, Salamah bin al-`Ayyār, Walīd bin Muslim, `Abdullah bin al-Mubārak, Walīd bin Mazīd, Abu Ishaq al-Fazāri dan lain-lain? Kenapa mereka juga tidak meriwayatkannya??

(7) Tidak terbukti dalam kenyataan bahawa orang yang bercakap bahasa Farsi lebih jahat daripada orang-orang yang bercakap bahasa-bahasa lain di dunia ini. Tidak terbukti juga maruah orang yang bercakap bahasa Farsi semakin berkurang.

(8) Besar sekali jasa Bahasa Farsi kepada kemajuan umat Islam. Selama berabad-abad ia merupakan bahasa kedua paling kaya dengan ilmu-ilmu Islam selepas bahasa `Arab. Semenjak kira-kira dua abad yang lalu baru rekod itu dipecahkan oleh bahasa Urdu.

Bagaimana boleh bahasa yang begitu berjasa kepada umat Islam dikatakan penggunanya semakin jahat dan maruahnya semakin berkurang?

Contoh Ketiga:

مَنْ أَحْسَنَ مِنْكُمْ أَنْ يَتَكَلَّمُ بِالْعَرَبِيَّةِ فَلَا يَتَكَلَّمُ بِالْفَارَسِيَّةِ فَإِنَّهُ يُورِثُ النِّفَاقَ

Bermaksud: Sesiapa dari kalanganmu pandai bercakap bahasa `Arab, maka janganlah sekali-kali ia bercakap bahasa Farsi, kerana ia menimbulkan sifat nifaq.

Rujukan:

Al-Haakim – al-Mustadrak `Ala as-Shahīhain j.4 m/s 98, ad-Dailami – al-Firdaus Bi Ma’tsūr al-Khithāb j.3 m/s 516, as-Suyuthi - al-Jāmi` as-Shaghīr j.2 m/s 306 & al-La’ali’ al-Mashnū`ah j.2 m/s 238, asy-Syaukāni – al-Fawā’id al-Majmū`ah m/s 221.

Komentar:

(1) Al-Haakim telah mengemukakan hadits di atas dengan sanad berikut:

حَدَّثَنِي أَبُو عَمْرٍ وَسَعِيدُ بْنُ الْقَاسِمِ بْنُ الْعَلَاءِ الْمُطَّوْعِيُّ، ثَنَا أَحْمَدُ بْنُ الْلَّيْثِ بْنُ الْخَلِيلِ، ثَنَا إِسْحَاقُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ الْجُرَيْرِيُّ،
بِتْلُخٍ، ثَنَا عَمْرُو بْنُ هَارُونَ، ثَنَا أَسَامَةُ بْنُ زَيْدِ الْلَّيْثِيُّ، عَنْ نَافِعٍ، عَنْ أَبْنِ عُمَرَ، رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:

(2) Walaupun hadits contoh ketiga ini dihukum sahih oleh al-Haakim, namun adz-Dzahabi dan lain-lain tokoh hadits mengkritiknya dengan teruk. Adz-Dzahabi di dalam Talkhīshnya menulis, “Amar bin Harun dikatakan pendusta oleh Ibnu Ma`īn, sementara tokoh-tokoh yang lain pula mengatakan ia perawi matrūk.”

(3) Al-`Irāqi mengkritik al-Haakim kerana memasukkan hadits-hadits seperti ini di dalam kitabnya al-Mustadrak, padahal ia sangat dha`if bahkan maudhu` pada pandangan para `ulama' hadits yang lain.

(4) Imam Bukhari di dalam Sahihnya telah mengadakan satu bab bertajuk: (باب مَنْ تَكَلَّمَ (Bab Orang Yang Bercakap Bahasa Farsi Dan Bahasa-Bahasa Lain Selain Bahasa `Arab). Tujuannya menurut para pensyarah kitab tersebut seperti Hafizh Ibnu Hajar, Ḥafizh al-`Aini dan lain-lain ialah untuk menyatakan keharusan bercakap dalam bahasa lain selain bahasa `Arab.

Imam Bukhari juga mahu mengisyaratkan dengan tajuk bab ini kepada dha`ifnya hadits-hadits yang melarang bercakap bahasa Farsi. Seperti hadits: كلام أهل النار بالفارسية (Percakapan ahli neraka dalam bahasa Farsi), hadits: من تكلم بالفارسية زادت في خبثه ونقصت من أحسن منكم أن يتكلم بالعربيَّة (Orang yang bercakap dalam bahasa Farsi akan semakin bertambah kejahatannya dan semakin berkurang maruahnya), dan hadits: فَلَا يَتَكَلَّمَنَّ بالفارسية فَإِنَّهُ يُورَثُ الْيَقَاقَ (Sesiapa dari kalanganmu pandai bercakap bahasa `Arab, maka janganlah sekali-kali dia bercakap bahasa Farsi, kerana ia menimbulkan sifat nifaq). Kedua-dua hadits terakhir ini diriwayatkan oleh al-Haakim di dalam Mustadraknya, dan kedua-duanya lemah. (Lihat Fathul Bāri j.6 m/s 184).

(5) Untuk membuktikan keharusan bercakap bahasa Farsi dan lain-lain Imam Bukhari mula-mula sekali membawakan dua firman Allah di dalam al-Qur'an. Pertama dari Surah ar-Rūm ayat ke-22, dan keduanya dari Surah Ibrahim ayat ke-4 (Lihat kedua ayat itu bersama terjemahan dan huraiannya pada komentar (6) (i) dan (iii)). Kemudian beliau mengemukakan pula di bawah tajuk bab yang dibuatnya itu tiga hadits.

Di dalam hadits pertamanya tersebut perkataan سُوْر atau سور yang bererti makanan dalam bahasa Farsi. Nabi s.a.w. bersabda: إِنْ جَابِرًا قَدْ صَنَعَ سُورًا (sesungguhnya Jābir telah membuat makanan). Menurut sesetengah ‘ulama’, perkataan itu berasal daripada bahasa Ḥabsyah.

Di dalam hadits keduanya tersebut bahawa Rasulullah s.a.w. telah menggunakan satu perkataan dalam percakapannya daripada bahasa Ḥabsyah iaitu حَسَنَةٌ حَسَنَةً. Ia bererti cantik, cantik!

Dan di dalam hadits ketiganya pula Rasulullah diriwayatkan telah mengguna dalam percakapannya satu perkataan yang berpunca daripada bahasa Farsi juga, iaitu حَكْيٌ supaya buah kurma yang dimakan oleh cucundanya Ḥasan dimuntahkan.

Kalau benar hadits contoh ketiga di atas yang melarang orang yang pandai bahasa `Arab daripada bercakap (menggunakan) bahasa Farsi, kenapa Baginda sendiri telah menggunakan? Kalau benar ia boleh menimbulkan sifat nifaq, tentu sekali Baginda tidak akan mengguna bahasa itu.

Itulah alasan berupa hadits sahih yang digunakan oleh Bukhari untuk membuktikan keharusan bercakap dalam bahasa-bahasa lain selain bahasa `Arab.

(6) Nabi s.a.w. bahkan telah menyuruh Zaid bin Tsabit belajar membaca dan menulis bahasa bukan `Arab (bahasa `Ibrani dan Siryani) untuk tujuan berda`wah kepada bangsa-bangsa yang menggunakan bahasa selain `Arab. (Lihat Siyar A`lām an-Nubalā' j.3 m/s 377-378).

(7) Imam Abu Thāhir Muhammad bin Ya`qub al-Fairuzābādi di dalam Risalahnya berkata, “Bab larangan bercakap bahasa Farsi, tidak ada satu pun hadits tsabit tentangnya”.